Oleh Abdul Halim Yusoff

CYMAO Holdings Bhd (Cymao) mengunjurkan peningkatan keuntungan sebelum cukai kepada RM23.701 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 daripada anggaran RM19.224 juta pada 2003.

Unjuran peningkatan keuntungan sebelum cukai itu akan disandarkan kepada peningkatan pendapatan daripada RM165.152 juta pada 2003 kepada RM189.349 juta pada tahun kewangan 2004.

Pengarah Eksekutif Cymao, Lin Kai Hsuan, berkata syarikat menjangka dapat memanfaatkan daripada perkembangan pesat industri hiliran perkayuan termasuk papan lapis berikutan permintaan menggalakkan dari seluruh dunia.



Lin Kai Hsuan

Katanya, harga papan lapis meningkat daripada RM275 semeter persegi sebelum ini kepada RM420 semeter persegi sekarang dengan permintaan mencecah lebih 125,000 meter persegi setahun.

"Unjuran daripada penyenaraian ini akan membolehkan syarikat memenuhi aspirasinya meningkatkan pengeluaran masing-masing sebanyak 10 peratus untuk pasaran eksport dan tempatan.

"Syarikat akan membeli mesin baru bagi meningkatkan pengeluaran serta melabur dalam teknologi maklumat untuk memperbaiki sistem pengurusan dan produktiviti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media terbitan prospektus syarikat itu di Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur, semalam.

Cymao, pengeluar pengeluar produk hiliran perkayuan yang akan disenaraikan di Papan Utama Malaysia Securities Exchange Bhd (MSEB) pada 18 Mac ini.

Berpangkalan di Sandakan, Sabah, syarikat itu kini mengeluarkan pelbagai produk hiliran perkayuan termasuk papan lapis, papan lapis berhias dan venir.

Lebih 80 peratus daripada pengeluarannya ialah untuk pasaran eksport dan bakinya untuk pasaran tempatan.

Daripada pasaran eksport, 60 peratus daripadanya ke Amerika Syarikat sementara pasaran lain termasuk Mexico, Korea, Taiwan, Singapura, Britain, Jepun dan Bangladesh.

Cymao merancang meneroka pelbagai pasaran baru sebelum akhir tahun ini bagi melebarkan potensi pertumbuhan dan keuntungan pada masa depan.

Sempena penyenaraiannya di Papan Utama MSEB, Cymao menerbitkan sembilan juta saham RM1 seunit pada harga RM2.50 seunit.

Daripada jumlah itu sa ham ditawarkan kepada awam, tiga juta kepada kakitangan yang layak juta lagi ditawarkan m ran persendirian.

Cymao menjangka m juta daripada proses p nya itu dan RM4.105 ju nakan untuk perbela RM1.2 juta untuk me RM2.5 juta membina RM12.695 sebagai mo RM2 juta untuk belan nyenaraian.

Ditanya mengenai sambutan terhadap sal nya, beliau yakin ia men tapi tidak memberikan